

## Belia digalak ceburi pertanian moden

Oleh [Dr Atikah Nor Johari](#) - September 9, 2021 @ 11:46am

[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)



Penggunaan teknologi dan inovasi moden mampu tingkat hasil bidang pertanian. - Foto hiasan

Belia antara golongan terkesan akibat pandemik COVID-19 kerana majoritinya belum memiliki tahap kewangan stabil kerana baru menceburi alam pekerjaan, kehilangan pekerjaan dan kesukaran mendapatkan pekerjaan hingga menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran.

Menurut Laporan Tenaga Buruh, kadar pengangguran belia bagi umur 15 hingga 24 tahun meningkat sebanyak 0.4 mata peratus, iaitu 13.9 peratus pada Februari lalu berbanding bulan sebelumnya.

Bilangan belia menganggur meningkat sebanyak 52,400 ribu orang kepada 347,600 orang berbanding bulan sebelumnya (295,300 orang).

Bagi mengatasi isu kadar pengangguran tinggi dan ditambah penularan COVID-19 masih kritikal, sektor pertanian menjadi gerbang paling ideal diterokai belia. Pilihan

kerjaya golongan itu pada masa kini lebih tertumpu kepada sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Sektor pertanian menjadi tulang belakang ekonomi negara sejak sekian lama, malah ia terus relevan dengan perkembangan semasa kerana dapat memenuhi keperluan negara dan masyarakat kerana dapat membekalkan sumber makanan, menyediakan bahan mentah untuk keperluan serta kegunaan industri asas tani.

Ia juga mampu meningkatkan taraf hidup, menawarkan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan, mempromosikan pembangunan kemanusiaan serta menjaga hak kemanusiaan dan membasmi kemiskinan.

Bertitik tolak sumbangan sektor pertanian di negara ini amat besar dan ditambah kadar pengangguran meningkat dalam kalangan belia terutama golongan berpendidikan tinggi, pembabitan belia amat diperlukan.

Lensa golongan belia perlu terarah kepada memodenkan dunia pertanian. Malangnya, hingga kini, pembabitan golongan itu berusia antara 18 hingga 40 tahun masih pada tahap rendah.

Sebenarnya, purata umur petani di negara ini melebihi 55 tahun dengan petani lebih tua dikatakan sukar atau enggan menerima perubahan dan kurang cenderung mempromosikan aktiviti diversifikasi atau mempelbagaikan pengeluaran serta kurang berupaya menggunakan teknologi baharu.

Malaysia memerlukan komuniti pertanian sandaran daripada belia untuk menyokong kumpulan petani semasa kerana generasi muda ialah aset penting bagi pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Senario ini menggambarkan betapa sektor pertanian perlu segera dibanjiri agropreneur muda dan ditransformasikan ke arah lebih efisien serta efektif bagi meningkatkan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara seiring sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Bagi merealisasikannya, sektor ini amat memerlukan agropreneur muda memiliki ciri sesuai seperti sanggup menanggung risiko, berinovasi, mampu mengaplikasikan teknologi dalam perusahaan pertanian dan juga generasi digital pertama dapat melihat keusahawanan pertanian sebagai bidang kerjaya menarik dan menguntungkan.

Jadi, merancakkan semula sektor pertanian dengan kehadiran agropreneur muda memiliki lensa penggunaan teknologi dan inovasi adalah keperluan agar sektor ini dapat memberi lebih impak positif.

Pembabitan agropreneur muda perlu terus dipertingkatkan untuk menjamin matlamat Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 yang dilancarkan Kementerian Pembangunan Usahawan pada Julai 2019 dalam menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan unggul menjelang 2030 dapat dicapai.

**Penulis adalah Pensyarah Kanan (Keusahawanan), Fakulti Sains Gunaan Dan Kemanusiaan (FSGM), Universiti Malaysia Perlis**